



IKLAN JAWATAN KOSONG DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah** untuk mengisi kekosongan jawatan di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu seperti berikut:-

I. JAWATAN : JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT19

1. MAKLUMAT JAWATAN/PENEMPATAN

- | | | | |
|-----|----------------------|---|--|
| (a) | Taraf Lantikan | : | Pekerja Sambilan Harian (Bergaji Hari) |
| (b) | Bilangan Pengambilan | : | Satu (1) orang |
| (c) | Gaji/Upah | : | RM54.00 sehari |
| (d) | Jabatan Penempatan | : | Jabatan Teknologi Maklumat,
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu |

2. SYARAT-SYARAT LANTIKAN MINIMUM

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (b) (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan (Komputer/Teknologi Maklumat/Multimedia dan sebagainya) yang diiktiraf oleh Kerajaan.
atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan (Komputer/Teknologi Maklumat/Multimedia dan sebagainya) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
atau
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan (Komputer/Teknologi Maklumat/Multimedia dan sebagainya) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

DAN (c) Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 2(b)(i),(ii) dan (iii) di atas mestilah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

II.

BIDANG TUGAS

Multimedia (Juruvideo, Jurugambar dan Pereka Bentuk Grafik)

- (a) Berkemahiran dalam membuat rakaman video/gambar untuk program rasmi DBKK termasuk pengendalian dan penghasilan rekod-rekod video menggunakan perisian Edius Pro 9 dan Adobe Premier atau perisian multimedia yang setara.
- (b) Berkemahiran dalam reka bentuk grafik seperti banner, streamer, backdrop, billboard, logo, buku program, atur cara dan sijil menggunakan perisian Photoshop atau perisian multimedia yang setara.
- (c) Berpengalaman dan berkemahiran dalam mengendalikan peralatan video dan kamera.
- (d) Boleh menghasilkan kerja berkaitan montaj/tayangan multimedia untuk program rasmi DBKK.
- (e) Membantu menyediakan dan mengendalikan peralatan multimedia semasa program rasmi DBKK.

III. CARA MEMOHON

- a. Borang permohonan boleh didapati di **Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Tingkat 7, Bangunan Centre Point Sabah.**
- b. Untuk keterangan lanjut sila berhubung Puan Noorhayati Buang di talian 088-244000
- c. Borang permohonan yang telah dilengkapi beserta dengan salinan sah Sijil Lahir, Kad Pengenalan, Sijil-sijil Kelayakan Akademik dan Gambar Berukuran Pasport hendaklah dikemukakan kepada:-

**PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
NO. 1, JALAN BANDARAN
88675 KOTA KINABALU, SABAH**

Atau serahan tangan ke:-

**JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
TINGKAT 7, BANGUNAN CENTRE POINT SABAH**

tidak lewat dari tarikh **23 JANUARI 2020.**